

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
NUINFRA CONSOLIDATED SDN BHD
CAWANGAN TERENGGANU

OLEH

CHE SUHAIDA BINTI MUHAMMAD
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(PEMASARAN)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

1100037823

Perpustakaan
Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (USDTM)

LI 7 FPE 4 2005



1100037823

Laporan akhir latihan industri di Nuinfra Consolidated Sdn. Bhd
(Terengganu) / Che Suhaida Muhammad.

PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1100037823

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUNSTMU

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
NUINFRA CONSOLIDATED SDN. BHD
CAWANGAN TERENGGANU**

Oleh

**CHE SUHAIDA BINTI MUHAMMAD
Sarjana Muda Pengurusan
(Pemasaran)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**

2005

1100037823

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Che Suhaida binti Muhammad, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah asli hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan




.....

Nama : Che Suhaida binti Muhammad

Tarikh :

Disahkan Oleh:


.....
**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)
Mengabang Telipot
21030 Kuala Terengganu.**

Penyelia KUSTEM

**b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM**



PRAKATA

Latihan praktikal ini adalah satu syarat yang telah diwajibkan oleh pihak Pengurusan FPE kepada pelajar Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) untuk mereka bergraduat. Tempoh yang telah diberikan kepada pelajar untuk membuat Latihan Industri adalah 12 minggu.

Para pelajar dikehendaki menjalani latihan praktikal di syarikat-syarikat atau kilang-kilang yang difikirkan sesuai bagi pelajar pemasaran. Pelajar telah diberi peluang untuk memilih syarikat atau kilang untuk mereka melaksanakan Latihan Industri mereka. Rasionalnya diwajibkan para pelajar dikehendaki menjalani Latihan Industri ini adalah:

- a. Mendedahkan kepada pelajar suasana kerja sebenar yang semakin mencabar.
- b. Memberi peluang kepada pelajar menggunakan teori yang dipelajari ke dalam suasana kerja.
- c. Meluas dan menambahkan pengetahuan teknikal dan kemahiran pelajar secara langsung dan tidak langsung.
- d. Menilai kebolehan diri para pelajar di alam pekerjaan untuk persediaan menghadapi alam pekerjaan sebenar selepas menamatkan pengajian.

- e. Meluaskan pergaulan dan interaksi dengan masyarakat luar di sektor industri.
- f. Membuka peluang kepada pelajar untuk mendapatkan pekerjaan melalui hubungan yang telah terjalin dengan bakal majikan.
- g. Mewujudkan hubungan kerjasama yang erat antara pelajar, fakulti, agensi kerajaan dan pihak industri. Dalam jangka masa yang sama diharap hubungan baik ini akan berterusan dan dapat membentuk serta mengembangkan satu kurikulum yang sesuai untuk permintaan tenaga kerja dalam sektor industri.

Oleh itu dengan berbekalkan semangat yang kental serta pengetahuan yang ada diharap pelajar dapat menimba seberapa banyak pengalaman dengan menumpukan sepenuh minat terhadap bidang kerja yang telah diamanahkan oleh pihak industri.

Akhir sekali dengan tamatnya Latihan Industri ini para pelajar boleh menilai kemampuan diri dengan membentuk satu keyakinan yang kental bagi menghadapi alam pekerjaan yang sebenar dengan penuh mencabar. Berbekalkan pengalaman serta ilmu yang dipelajari saya berharap akan lahir lebih ramai lagi jentera penggerak dalam bidang ini bagi mengharungi arus globalisasi dunia sekarang.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pengasih lagi maha penyayang, selawat serta salam ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w, ahli keluarganya serta para sahabat baginda yang terpilih. Alhamdulillah, saya dengan ini mengucapkan rasa syukur kehadrat Allah s.w.t kerana dengan keizinan, rahmat dan hidayatNya membolehkan saya menamatkan program Latihan Industri dengan jayanya serta dapat menyiapkan penulisan laporan ini tanpa sebarang masalah.

Pada kesempatan ini saya mengambil peluang untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak kolej (KUSTEM) kerana telah memberi peluang dan kepercayaan kepada saya untuk menjalankan program latihan industri ini di luar kawasan kampus dalam jangka masa yang agak lama. Melalui kaedah pendekatan yang diterapkan oleh KUSTEM banyak ilmu yang dapat dipelajari sepanjang latihan industri ini dijalankan.

Ucapan berbanyak terima kasih ini juga diberikan kepada organisasi Nuinfra Consolidated Sdn. Bhd terutamanya En. Ibrahim bin Awang selaku pengurus syarikat atas kesudian dan keterbukaan beliau untuk menerima kedatangan saya buat pertama kalinya ke organisasi ini.

Beliau telah banyak membantu dan memberi bimbingan kepada saya semasa berada di organisasi tersebut malah sikap beliau yang terbuka dan mudah dibawa berbincang dapat memudahkan lagi proses untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang berlaku di sepanjang latihan industri dijalankan.

Turut tidak ketinggalan ucapan terima kasih ini ditujukan juga kepada Cik Nor Suriyati binti Othman selaku penyelia KUSTEM yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar serta nasihat kepada saya sepanjang latihan industri ini dijalankan. Samada ilmu yang dicurahkan secara langsung atau tidak kepada saya amat berguna dan dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya malah turut dipraktikalkan juga dengan seadanya sepanjang saya berada institusi ini. Sesungguhnya kebaikan yang diberikan tidak akan dilupakan buat selamanya.

Malah tidak dilupakan juga selaut ucapan jutaan terima kasih ditujukan khas buat bonda dan keluarga yang banyak memberi bantuan dari segi moral dan nasihat agar saya betul-betul sabar dan mampu menjalankan latihan praktikal selama tiga bulan di institusi ini. Tanpa sokongan moral yang diberikan oleh mereka kemungkinan saya tidak berkemampuan untuk menyempurnakan latihan industri ini dan menyiapkan laporan ini.

Sesungguhnya jasa baik yang diberikan oleh bonda dan keluarga disanjung tinggi dan tidak akan dilupakan.

Akhir kata sekali lagi saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menghasilkan Laporan Industri ini. Walau bagaimanapun tidak ketinggalan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut membantu dan berkongsi pengalaman masing-masing sepanjang menjalankan latihan industri tersebut. Sesungguhnya jasa-jasa yang diberikan tidak akan dilupakan.

SENARAI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Senarai Gambarajah	x
Senarai Jadual	xi
Senarai Carta	xii
Ringkasan Eksekutif	xiii

BAB 1: LATAR BELAKANG SYARIKAT

1.1	Pengenalan	
1.1.1	Latar Belakang Syarikat Nuinfra Consolidated Sdn. Bhd	1
1.1.2	Objektif Syarikat	4
1.1.3	Matlamat Syarikat	5
1.1.4	Objektif Misi dan Visi	6
1.2	Maklumat Organisasi	8
1.2.1	Penumpuan Perniagaan Syarikat	9
1.2.2	Rangkaian Produk dan Perkhidmatan	11
1.3	Carta Organisasi	13
1.3.1	Mengkaji Carta Organisasi Syarikat	14
1.4	Aktiviti Organisasi	20
1.5	Kemahiran yang ingin dipelajari	23

BAB 2: MENGESAN SISTEM SEDIA ADA, MENGENAL PASTI

MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

2.1. JABATAN TEKNIKAL	25
2.1.1 Sistem Kerja Perisian	26
2.1.1.1 Sistem Sedia Ada	27
2.1.1.2 Mengenalpasti Masalah	29
2.1.1.3 Cadangan Penyelesaian	31
2.1.1.4 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	33
2.2. JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	35
2.2.1 Tuntutan Pembayaran Pembelian Barang	37
2.2.1.1 Sistem Sedia Ada	38
2.2.1.2 Mengenalpasti Masalah	40
2.2.1.3 Cadangan Penyelesaian	41
2.2.1.4 Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	43
2.3. JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	
2.3.1 Sistem Permohonan Cuti Pekerja	45
2.3.1.1 Sistem Sedia Ada	46
2.3.1.2 Mengenalpasti Masalah	48
2.3.1.3 Cadangan Penyelesaian	48
2.3.1.4 Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	49

BAB 3: PENUTUP

3.1 Kesimpulan

50

RUJUKAN

52

LAMPIRAN

SENARAI GAMBARAJAH**MUKA SURAT**

Rajah 1.1: Rangkaian Produk dan Perkhidmatan 12

Rajah 1.2: Carta Organisasi Syarikat Nuinfra Consolidated 13

Sdn. Bhd

SENARAI JADUAL**MUKA SURAT**

Jadual 1.1: Senarai Kod Bidang yang diceburi oleh

22

Nuinfra Consolidated Sdn. Bhd

SENARAI CARTA ALIR**MUKA SURAT**

Carta Alir 1.1: Carta Alir Sistem Kerja Perisian	26
Carta Alir 1.2: Carta Alir Tuntutan Pembayaran Pembelian	37
Barang	
Carta Alir 1.3: Carta Alir Proses Permohonan Cuti Pekerja	45

RINGKASAN EKSEKUTIF

Sebagai pelajar dibawah program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi telah diwajibkan menjalani Latihan Industri selama tiga bulan dan pelatih telah memilih organisasi Nuinfra Consolidated Sdn. Bhd sebagai tempat untuk menjalani Latihan Industri tersebut. Nuinfra Consolidated Sdn. Bhd merupakan sebuah organisasi yang menyediakan segala kemudahan berkenaan dengan Komunikasi Maklumat Komputer serta turut membekal pelbagai jenis peralatan komputer. Oleh yang demikian, selama menjalani latihan industri di organisasi terbabit pelatih telah banyak diberi tunjuk ajar bagaimana untuk menjadi seorang pekerja yang melaksanakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan dengan penuh dedikasi. Pelatih juga telah mengenalpasti objektif laporan ini iaitu dengan mengenalpasti beberapa sistem yang sedia ada di Nuinfra Consolidated Sdn. Bhd untuk memastikan segala pemasalahan yang timbul dapat diselesaikan dengan baik. Diharapkan pihak pengurusan Nuinfra Consolidated Sdn. Bhd dapat mengenalpasti, menilai, mengurus dan mengawal segala risiko serta sebarang kemungkinan yang berlaku dalam organisasi Nuinfra Consolidated Sdn. Bhd serta dapat menyediakan segala maklumat-maklumat yang berkaitan dengan organisasi. Segala pemasalahan yang dianalisa adalah daripada Jabatan Pentadbiran dan Kewangan serta Jabatan Pemasaran. Fokus utama dalam laporan ini adalah pengenalan kepada organisasi, maklumat organisasi, carta organisasi, aktiviti utama organisasi dan kemahiran yang ingin dipelajari seterusnya kepada mengesan sistem yang sedia ada, pengenalpastian masalah, cadangan penyelesaian masalah serta pelaksanaan cadangan dan implikasinya. Semasa menjalani Latihan Industri ini pelatih telah ditempatkan di Bahagian Teknikal. Pelatih juga telah mengemukakan beberapa cadangan penyelesaian yang mungkin dapat digunakan bagi menyelesaikan masalah yang timbul untuk meningkatkan lagi corak sistem pengurusan di dalam organisasi supaya sistem tersebut berjalan dengan lancar bagi mewujudkan sebuah pengurusan yang lebih dinamik dan sistematik.